

**Najib kemuka syarat penyelesaian luar mahkamah kes saman fitnah  
Harakahdaily  
Astro Awani  
Julai 11, 2016**

**PUTRAJAYA:** Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengemukakan cadangannya mengenai syarat bagi penyelesaian di luar mahkamah dalam saman fitnah beliau terhadap Harakahdaily berhubung 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Peguam beliau Datuk Mohd Hafarizam Harun memberitahu pemberita hari ini bahawa cadangan penyelesaian di luar mahkamah itu dikemukakan kepada Harakahdaily pada 4 Julai.

Beliau berkata bagaimanapun, mahkamah menetapkan 26 Julai ini sebagai tarikh pengurusan bagi satu lagi kes berhubung perkara itu kerana peguam yang mewakili Harakahdaily, alat sebaran PAS, memerlukan masa untuk mendapatkan arahan daripada klien mereka berhubung syarat berkenaan.

Hafarizam tidak menyatakan syarat itu.

Perkara mengenai pengurusan kes itu ditetapkan di hadapan Presiden Mahkamah Rayuan Tan Sri Md Raus Sharif di dalam kamarnya hari ini bagi membolehkan pihak terbabit memaklumkan kepada hakim tentang hasil cadangan untuk menyelesaikan kes berkenaan.

Peguam-peguam Datuk Takiyuddin Hassan dan Wan Rohimi Wan Daud hadir bagi pihak Harakahdaily.

Perdana menteri menyaman Pengarah Urusan Harakah Dr Rosli Yaakob dan Ketua Pengarang Harakahdaily Taufek Yahya berhubung sebuah artikel berunsur fitnah yang ditulis Rosli yang disiarkan Harakahdaily pada 19 Feb 2015.

Dalam pernyataan tuntutanannya, Najib mendakwa artikel itu menggambarkan bahawa beliau telah menyalahgunakan dana 1MDB dan penerbitan itu berniat mencemarkan nama baiknya.

Beliau mendakwa Taufek tidak mengamalkan kewartawanan bertanggungjawab dan tidak mendapatkan pengesahan tentang ketepatan kandungan tulisan Rosli sebelum Harakahdaily menyiarkannya.

Pada 15 Jun lepas, Najib memperoleh perintah daripada Mahkamah Rayuan untuk menangguhkan sementara pendengaran saman fitnahnya terhadap Harakahdaily sementara menunggu keputusan dua rayuan beliau.

Rayuan itu ialah mengenai keputusan Mahkamah Tinggi menolak permohonan Najib pada 7 April lepas untuk meminda pernyataan tuntutan bagi memasukkan kenyataan Peguam Negara Tan Sri Mohamed Apandi Ali dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Satu lagi rayuan ialah mengenai keputusan Mahkamah Tinggi menolak permohonan Najib pada 23 Mei lepas supaya saman itu diputuskan mengikut undang-undang tanpa perlu mengadakan perbicaraan penuh.

Tag: [Najib Razak](#), [Harakahdaily](#), [saman fitnah](#), [penyelesaian di luar mahkamah](#), [Mohd Hafarizam Harun](#)

**© 2016 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/najib-kemuka-syarat-penyelesaian-luar-mahkamah-kes-saman-fitnah-harakahdaily-110706>